

Headline	TNB mulakan projek rintis September		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Bisnes	Page No	42
ArticleSize	89 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,554		



TNB mulakan projek rintis September

TENAGA Nasional Berhad (TNB) memulakan projek rintis bulan ini bagi menilai aspek teknikal, keselamatan dan kebolehharian komersial dengan menggunakan infrastruktur TNB.



Ia bertujuan menjayakan National Connectivity Plan (NCP) iaitu akses internet lebih pantas, murah dan meluas.

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie berkata, projek rintis tersebut dijangka siap akhir 2018, meliputi 1,100 daripada 4,300 kediaman di tiga kawasan iaitu Taman Merbau, Taman Maju dan Felda Kemendor, di Jasin, Melaka.

"Mereka yang terlibat akan mendapat akses rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi menggunakan fiber optik milik TNB sedia ada," katanya.

Jelasnya, syarikat utiliti tenaga itu guna teknologi fiber optik sebagai sebahagian reka bentuk dan keperluan operasi grid elektrik bagi pastikan bekalan elektrik berdayaharap di seluruh semenanjung.